

Ekonomi internet cecah RM88 bilion

PETALING JAYA – Saiz ekonomi internet di Malaysia dianggarkan bernilai AS\$21 bilion (RM88.29 bilion) dari segi nilai dagangan kasar (GMV) pada tahun 2021, berdasarkan *Laporan e-Economy Asia Tenggara* yang diterbitkan Google, Temasek dan syarikat perunding global, Bain & Company.

Jumlah tersebut dijangka mencecah AS\$35 bilion (RM147.16 bilion) menjelang tahun 2025, dengan unjuran kadar pertumbuhan tahunan terkompau 14 peratus.

Menurut laporan tersebut, pertumbuhan mendadak pasaran digital Malaysia daripada AS\$14 bilion (RM58.86 bilion) didorong lonjakan signifikan dalam e-dagang, yang dijangka berkembang kepada AS\$19 bilion (RM79.89 bilion) pada 2025.



PANDEMIK telah memacu pertumbuhan pasaran digital yang membuka peluang perniagaan kepada usahawan mengaut keuntungan.

"Sektor pengangkutan, makanan dan media dalam talian turut menyaksikan pertumbu-

han dua digit tahun ini, masing-masing sebanyak 35 peratus dan 14 peratus," katanya dalam satu

kenyataan semalam.

Edisi keenam laporan tersebut memberikan pandangan baharu terhadap ekonomi internet dari enam negara di Asia Tenggara, termasuk Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam.

Ia mendalami tujuh sektor ekonomi internet iaitu e-dagang, pengangkutan dan makanan, perjalanan dalam talian, media dalam talian dan perkhidmatan kewangan digital.

Dua sektor baharu muncul pula terdiri daripada teknologi kesihatan dan teknologi pendidikan.

Pengarah Urusan Google Malaysia, Marc Woo berkata, pihaknya telah melihat bagaimana pandemik telah membawa kepada peralihan kekal dalam penggu-

naan digital di Malaysia, dengan 81 peratus daripada semua pengguna internet kini menggunakan perkhidmatan digital.

"Melalui sekatan pergerakan, perniagaan telah beralih kepada platform digital untuk terus bertahan dan ramai berharap untuk meningkatkan penggunaan alat digital dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

Sementara itu, Rakan Sekutu di Bain & Company, Willy Chang menjelaskan, selain pertumbuhan ekonomi internetnya yang kukuh, separuh pertama 2021 turut menyaksikan aktiviti pelaburan yang signifikan.

"Digabungkan dengan pemberian lesen bank digital yang dinanti-nantikan, kami optimis mengenai potensi pertumbuhan akan datang," ujarnya.

TDM catat untung RM18.9 juta suku ketiga

KUALA TERENGGANU – Kumpulan TDM Berhad yang merupakan anak syarikat kerajaan negeri Terengganu, mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM18.9 juta bagi suku ketiga tahun ini.

Pengerusi TDM, Raja Datuk Idris Raja Kamaruddin berkata, prestasi memberangsangkan itu didorong peningkatan pendapatan sebanyak sembilan peratus berbanding suku sama tahun lalu.

Menurut beliau, segmen penjagaan kesihatan dan perladangan masing-masing telah menjana pendapatan RM6.5 juta dan RM4.2 juta.

"Pendapatan segmen penjagaan kesihatan semakin pulih berikutan peningkatan bilangan kemasukan ke hospital bagi mendapatkan rawatan dan pembedahan.

"Prestasi segmen perladangan

juga kekal cemerlang ekoran harga purata minyak sawit mentah (CPO) dan isi rong sawit (PKO) yang kekal tinggi," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Raja Idris menjelaskan, prestasi memberangsangkan dalam sektor perladangan dijangka berterusan sekurang-kurangnya sehingga bulan Februari depan ekoran kenaikan harga CPO melebihi RM5,000 setiap metrik tan.

Tambah beliau, TDM juga dijangka dapat menjana pendapatan tambahan menerusi tanaman nenas premium MD2 yang sudah dituai mulai bulan lalu.

"Pengeluaran buah tandan segar juga diunjur meningkat sehingga 15 peratus pada suku seterusnya.

"Isu kekurangan pekerja ladang juga telah ditangani dengan pengambilan buruh tempatan," katanya.



SEGMENT perladangan dan penjagaan kesihatan menyumbang secara positif kepada hasil Kumpulan bagi suku ketiga tahun ini.



MOHAMAD ALI (tengah) bersama kakitangan Puhaz dan juga rakan kerjasama di Tanah Suci ketika membuat lawatan dan perbincangan mengenai pakej umrah di Mekah baru-baru ini.

Puhaz meterai MoU dengan lapan hotel di Tanah Suci

Oleh **ZAKI SALLEH**

IPOH – Jemaah umrah yang melaksanakan ibadah tersebut melalui Persatuan Pengendali Umrah, Haji dan Ziarah negeri Perak (Puhaz) bakal menikmati pengurusan umrah yang selesa menerusi pakej yang disediakan.

Presiden Puhaz, Mohamad Ali Sabri berkata, perkhidmatan tersebut dapat diberikan menerusi kerjasama yang dimeterai dengan beberapa rakan strategik di Madinah dan Mekah baru-baru ini.

Menurut beliau, pihaknya telah berada di sana selama 12 hari untuk membuat tinjauan dan pemeriksaan bagi membolehkan syarikat menetapkan pakej-pakej umrah mengikut dua kategori mampu milik pada semua peringkat masyarakat.

"Kami telah memeterai memo-

randum persefahaman (MoU) dengan pihak pengurusan di lapan buah hotel di Tanah Suci yang bertaraf lima dan tiga bintang.

"Kami menitikberatkan nilai wang para jemaah dengan memastikan penginapan yang selesa, makanan dan jarak berdekatan dengan masjid," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Mohamad Ali memberitahu, melalui kerjasama tersebut, pakej Puhaz menawarkan dua kategori iaitu pakej standard pada harga RM8,690 dan pakej ekonomi RM7,690 mengikut pilihan jemaah.

Sebagai tambahan, Puhaz juga akan memperkenalkan pakej pelancongan yang sebelum ini tidak ditawarkan menerusi kerjasama dengan Saudi Tourism Authority (STA).

"STA telah memperkenalkan produk pelancongan termasuk

tapak warisan sejarah yang boleh dimuatkan ke dalam pakej kami antaranya Al Balat, Taif dan Carmel di Jeddah," katanya.

Menurut Mohamad Ali, bagaimana pun, faktor terpenting bagi Puhaz adalah memastikan pengurusan dan kebajikan jemaah terjamin sehingga pulang ke tanah air.

"Tujuan kita menyelaraskan harga pakej tetap bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan penipuan apabila bakal jemaah berurusan dengan agensi lain.

"Puhaz juga menyediakan perkhidmatan mutawif berpengalaman dan bertauliah dari Malaysia bagi memudahkan komunikasi antara jemaah

"Selain itu, pemantauan tahap kesihatan jemaah selepas pulang ke tanah air terus dilakukan. Ini adalah tanggung jawab kami kepada jemaah," katanya.